

Emmy Olahragawati, UMS naib johan

JB 14.5.13 A14

KOTA KINABALU: Emmy Akim dinobatkan sebagai Olahragawati dan membantu Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul naib johan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) 2013 di Universiti Malaya (UM) pada 10-12 Mei lalu.

Emmy menang pingat emas dengan rekod baharu kejohanan 1:08s acara 400m lari berpagar di samping pingat perak acara 400m.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah memberitahu bahawa keseluruhannya UMS meraih empat emas, tiga perak dan lima gangsa.

“Selain Emmy, duá lagi pemenang pingat emas iaitu Eldy Sham dan Max Anzie turut memecahkan rekod kejohanan. Ia bermakna daripada empat pingat emas yang kami menang, tiga daripadanya dimenangi dengan rekod baharu kejohanan,” katanya.

Eldy menang emas acara 400m lari berpagar lelaki di mana beliau mencatat 53.85s yang juga merupakan rekod baharu kejohanan.

Eldy juga menang pingat gangsa dalam acara pecut 100m dan 4x400m.

Dua lagi pingat emas dimenangi Max Anzie menerusi merejam lembing lelaki (52.24m - rekod baharu kejohanan) dan Mary Gabali dalam acara lompat jauh (4.91m).

Max Anzie juga menang pingat perak dalam acara lontar peluru.

Kejohanan selama tiga hari itu dijuarai Universiti Putra Malaysia (UPM) yang merangkul 12 emas, lima perak dan dua gangsa manakala tempat ketiga Universiti Sains Malaysia (USM) dengan empat emas, dua perak dan dua gangsa.